

DIPLOMA PENGAJIAN HADIS

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

<https://www.ptptn.gov.my/>

- Permohonan adalah setelah pelajar telah mendaftar dan menjadi pelajar di KQT.
- Permohonan pinjaman PTPTN adalah mengikut jadual kelompok. (Tarikh akan dimaklumkan oleh pihak BHEPA)
- Permohonan diisi oleh pelajar melalui sistem <https://myptptn.ptptn.gov.my>
- Pengesahan maklumat oleh Kolej (setelah lulus proses pinjaman) .
- Duit pinjaman dikreditkan ke akaun pelajar.
- Pelajar perlu membuat bayaran yuran kepada pihak Kolej.

Syarat permohonan :

- Warganegara Malaysia;
- 45 tahun ke bawah;
- Pendapatan kasar keluarga kurang daripada RM50,000 sebulan (setelah ditolak RM250/seorang setiap tanggungan)
- Baki tempoh pengajian tidak kurang daripada 1 semester. (Sekiranya pelajar belum berminat untuk pohon)

Jumlah pinjaman (Maksimum RM6800 setahun) :

- Maksimum – sekiranya pelajar/penjaga disenaraikan dalam STR.
- 75% (RM5,100) dari jumlah maksimum – sekiranya pendapatan keluarga <RM8000 dan tiada data dalam STR.
- 50% (RM3400) dari jumlah maksimum – sekiranya pendapatan keluarga >RM8000 dan tiada data dalam STR.

Maklumat syarat permohonan dan jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada pihak PTPTN dari semasa ke semasa.

Kemaskini sehingga 29 April 2025

BIASISWA PROGRAM PELAJAR KQT OLEH YAYASAN PENDIDIKAN MAIDAM

- Permohonan adalah melalui borang khusus oleh pihak YPM, dibuka serentak dengan permohonan kemasukan pelajar baharu setiap tahun.
- Pelajar perlu membuat permohonan kemasukan ke KQT melalui sistem permohonan dan mengisi borang permohonan tajaan YPM.
- Yuran pengajian dibayar terus kepada pihak Kolej oleh penaja.

**BIASISWA
PROGRAM PELAJAR
KOLEJ AL-QURAN TERENGGANU (KQT)**

TAWARAN BIASISWA PENUH DI DALAM BIDANG BERIKUT

- 📖 Diploma Tahfiz & Bahasa Al-Quran
- 📖 Diploma Tahfiz Al-Quran & Qiraat
- 📖 Diploma Pengajian Hadis
- 📖 Diploma Pengajian Tafsir
- 📖 Diploma Aqidah Islamiah
- 📖 Diploma Syariah Islamiah

SYARAT-SYARAT KHUSUS PERMOHONAN

1. Terbuka kepada pelajar lelaki & perempuan.
2. Pemohon & Ibu bapa/ penjaga adalah :
 - a) Rakyat negeri Terengganu yang menetap di Terengganu sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum melanjutkan pelajaran atau
 - b) Pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.
3. Memperoleh keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terkini (tahun semasa) dengan mendapat Gred A (A+ / A / A-) sekurang-kurangnya dalam tujuh (7) matapelajaran dan melepasi syarat kemasukan ke kursus yang ditawarkan oleh pihak KQT.
4. Lulus proses temuduga yang ditetapkan.
5. Pendapatan kasar Ibu dan bapa pelajar tidak melebihi RM 20,000.00 sebulan.

SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN

1. Mempunyai minat yang tinggi untuk menyambung pengajian di dalam bidang Pengajian Islam yang ditetapkan.
2. Keutamaan diberikan kepada para pelajar yang tergolong dalam kalangan anak-anak asnaf fakir dan miskin.
3. Tidak mendapat apa-apa bantuan sama ada elaun, pinjaman, biasiswa, dermasiswa atau seumpamanya dari mana-mana sumber atau badan-badan pembiayaan yang lain.

Sila imbas untuk maklumat lanjut

Kemaskini sehingga 29 April 2025

PINJAMAN SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH TERENGGANU (KHUSUS UNTUK ANAK TERENGGANU)

PINJAMAN SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH TERENGGANU			
Program	Mod Penajaan	Tahap/kriteria penghapusan	%dihapuskan / % bayar balik
Diploma Pengajian Hadis Diploma Pengajian Tafsir Al-Quran Diploma Syariah Islamiah Diploma Akidah Islamiah	Pinjaman penuh daripada tahun pertama.	CGPA 3.75 KE ATAS	90% PENGHAPUSAN 10% BAYAR BALIK
		CGPA 3.50 - 3.74	50% PENGHAPUSAN 50% BAYAR BALIK
		CGPA 3.50 KEBAWAH	100% BAYAR BALIK

Kemaskini sehingga 29 April 2025

BIASISWA MBI

- Tertakluk kepada syarat dari semasa ke semasa.
- Pelajar akan ditapis melalui sistem permohonan KQT.

Kemaskini sehingga 29 April 2025

BANTUAN ORANG KURANG UPAYA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

<https://bkoku.mohe.gov.my/>

- Insentif / biasiswa dan peluang kepada OKU yang berkebolehan / berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.
- Bantuan kewangan ini tidak mengambil kira taraf pendapatan sebagai syarat kelayakan

- Objektif bantuan ini yang bertujuan untuk meningkatkan dan memperluaskan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada golongan OKU yang mengikuti pengajian di IPT.
- Kadar bantuan :
 - Pelajar Sepenuh Masa – Wang saku dan yuran pengajian yang kedua-duanya tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian.
 - Penerima Biasiswa hanya layak wang saku sahaja. Kadar bantuan wang saku RM300/sebulan dan bakinya adalah bantuan yuran tertakluk pada RM5,000 setahun bagi kedua-dua elemen tersebut.

Syarat kelayakan :

- Warganegara Malaysia.
- Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mempunyai kad OKU. Pelajar OKU yang menerima pinjaman pelajaran atau pembiayaan sendiri adalah layak menerima elemen wang saku dan yuran pengajian. Penerima biasiswa pula layak mendapat wang saku Sahaja. Pelajar OKU hendaklah bukan dalam tempoh cuti belajar bergaji (penuh/ sebahagian).

Maklumat syarat permohonan dan jumlah bantuan adalah tertakluk kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dari semasa ke semasa.

Kemaskini sehingga 29 April 2025

TABUNG BANTUAN KEWANGAN PELAJAR KQT

- Tertakluk kepada syarat dari semasa ke semasa.

Kemaskini sehingga 29 April 2025